

Hasil seminar galakan pelaburan

'Ramai pelabur HK nak melabur di M'sia'



DATUK SERI DR. MAHATHIR

KUALA LUMPUR, Selasa — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah banyak disoal mengenai dasar Kerajaan terutama berhubung Akta Penyelarasan Perindustrian (ICA) oleh para pelabur di Hong Kong.

Sekembali dari mengetuai perwakilan Malaysia ke seminar galakan pelaburan di Hong Kong malam ini, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata:

Hong Kong adalah pusat berbagai majalah antarabangsa dan wakil-wakil majalah berkenaan membuat laporan mengenai Malaysia melalui Hong Kong.

Biasanya laporan yang dibuat "tidak simpati" dengan dasar-dasar yang di amalkan oleh Kerajaan, katanya.

Melalui seminar yang diadakan di Hong Kong itu, katanya beliau telah dapat memberi penjelasan secara terus kepada para pelabur dan wakil-wakil majalah di tanah jajahan

British itu.

Hasil dari penerangannya itu, kata Datuk Seri Dr. Mahathir, para pelabur di sana memahami kedudukan sebenarnya.

Katanya, hasil seminar itu juga ramai pelabur Hong Kong menunjukkan minat untuk melabur di negeri ini, terutama bidang perindustrian ringan (light industries).

Hong Kong pada masa ini merupakan pelabur keempat

terbesar di Malaysia.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian berkata, para pelabur di Hong Kong mungkin datang ke sini selepas ini ekoran seminar tersebut.

Faktor

Datuk Seri Dr. Mahathir memberi beberapa faktor yang dapat menarik para pelabur di Hong Kong ke negeri ini, antaranya:

● **TANAH** jajahan

itu mempunyai sumber tenaga (minyak) terhad;

● **PEKERJA** terpaksa dibayar gaji tinggi sebab kos sara hidup di sana tinggi dan

● **KESULITAN** mendapatkan tapak perusahaan kerana Hong Kong kecil.

Katanya sewa satu tingkat pejabat di Hong Kong adalah terlalu mahal, kira-kira \$1 juta sebulan dan begitu juga kadar bunga pinjaman tinggi.

No. Siri 2148
No. Penerimaan 324/82

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia